

Meriam di Kota Melawati, Kuala Selangor

Cannons in Fort Melawati, Kuala Selangor

MOHD HAIDI MOHD KASRAN, ROZEHAR HARUN & MOHD HAIRUL IZWAN MOHD KASRAN

ABSTRAK

Makalah ini ditulis dengan tujuan untuk mendokumentasikan semula kewujudan beberapa laras meriam besi di Kota Melawati, Kuala Selangor, Selangor. Terdapatnya meriam ini merupakan salah satu bukti wujudnya Kerajaan Kesultanan Selangor dan unsur penjajahan Belanda dan Inggeris di negeri Selangor. Kepentingan meriam ini menunjukkan bahawa kewujudan persenjataan demi mempertahankan kedaulatan raja dan negeri daripada ancaman musuh telah lama wujud. Dokumentasi ini membuktikan bahawa orang Melayu bukanlah bangsa yang lemah dan hanya mengenal keris dan tombak, malahan telah pandai membina dan menggunakan meriam sebagai salah satu senjata hebat yang digunakan sebagai senjata pertahanan. Berdasarkan kepada artifak meriam ini juga telah banyak membantu menyelonggar sejarah peradaban kesultanan Melayu dan rakyat Selangor.

Kata kunci: Meriam; kepentingan; kesultanan; Selangor; pertahanan

ABSTRACT

This paper is written with the purpose of re-documenting the existence of a barrel of iron cannon at Melawati Fort, Kuala Selangor, Selangor. The discovery of the cannons are the manifestations of the Selangor Sultanate and the colonization of the Anglo-Dutch in Selangor. The existence of these cannons also show the armaments and defenses for the sovereignty of the king and state against the threats among enemies. Such discoveries imply that the Malays were not weak for not only have the dagger and the spear, they had even formulated security defense with the cannon as one of the most powerful weapons used to defeat the enemies. The unearthing of the artifacts has also helped to divulge the history of the Malay sultanate and the people of Selangor.

Keywords: Cannon; significance; sultanate; Selangor; defense

PENDAHULUAN

Sejarah Selangor muncul sebagai negeri yang bebas dan beridentiti bermula pada abad ke-18 selepas negeri-negeri seperti Kedah, Perak, Terengganu, Kelantan dan Johor (Kam Hing et al. 1992). Sebelum menjadi sebuah negeri, Selangor terdiri daripada beberapa kawasan bebas seperti Sungai Selangor, Sungai Bernam, Sungai Jeram, Sungai Klang, Sungai Langat-Jugra, Sungai Lukut dan Sungai Raya yang menjadi jajahan takluk Kerajaan Melaka Tua. Selain itu, Selangor juga dinyatakan dalam peta pelayaran Laksamana Cheng Ho manakala daerah-daerah seperti Klang dan Jeram pula direkodkan dalam *Sejarah Melayu*. Hubungan Melaka-Selangor dapat dibuktikan dengan Tun Perak pernah menjadi Penghulu Klang manakala Putera Sultan Mansur

Shah dan Puteri Hang Li Po pernah dilantik menjadi Raja Jeram (Khoo 1992).

Daerah Klang menjadi kawasan awal dan terpenting pada era Sultan Muzaffar Syah atas potensi sebagai pelabuhan dan pusat perlombongan bijih timah (Windstedt 1934). Seterusnya, kekalahan Melaka di tangan Portugis menyebabkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka berundur ke Johor dan Selangor mula menjadi jajahan takluk ketuanan Johor (Zakiah 1989). Hubungan Johor-Selangor dapat ditunjukkan pada era Sultan Alauddin Shah di mana ketua Klang memakai gelaran Mandulika dan penjaga kawasan Sungai Selangor digelar Sri Agar Diraja (Windstedt 1934). Hubungan Johor-Selangor ini menjadi titik tolak penubuhan kerajaan Selangor dan menjadi sebuah entiti politik apabila Johor memperkenan penempatan pedagang

Bugis di Sungai Selangor yang menjadi pusat pengekspor bijih timah dipercayai pada tahun 1681 (Kam Hing et al. 1992). Orang Bugis berasal dari Sulawesi Selatan juga terkenal sebagai ‘soldier of fortune’ yang membantu Raja Sulaiman mengusir Raja Kecil untuk menjadi Sultan Johor dan melantik Daeng Marewah sebagai Yamtuan Muda Johor pada tahun 1721 (Khoo 1992).

Perlantikan ini menjadikan Bugis sebagai pemegang ekonomi di Selat Melaka dengan membuka pelabuhan entrepot di Riau yang menguasai Aceh dan mendominasi Selangor (Kam Hing et al. 1992). Hal ini dilihat dengan menempatkan Raja Lumu sebagai pemerintah di Kuala Selangor pada tahun 1730-an bagi menggantikan Raja Siti (Abdullah Zakaria 1989). Raja Tua menguasai Klang dan Daeng Kemboja menguruskan daerah Linggi (Andaya et al. 1982). Pada tahun 1742, Daeng Chelak dan Raja Lumu telah membantu Raja Muda Bisnu dalam perebutan takhta di Perak dengan Sultan Muzaffar Shah (Windstedt et al. 1934). Hal ini merupakan langkah awal perlantikan Raja Lumu sebagai Raja Selangor pada tahun 1743 dan memerintah Selangor secara *de facto* pada tahun 1745 selepas kemangkatan Daeng Chelak (Abdullah 1989; Andaya 1974). Namun, kedudukan Selangor masih lagi belum bebas sepenuhnya daripada naungan Kerajaan Johor dan menyebabkan Raja Lumu cuba mendapatkan pengiktirafan dari Perak (Abdullah 1989). Pada tahun 1766, Raja Lumu telah pergi ke Pangkor untuk ditabalkan sebagai Sultan Selangor oleh Raja Kimas dan memakai gelaran Sultan Sallehuddin Shah atau Salihul Din (Andaya 1974; Raja Ali Haji 1982). Raja Lumu juga dikatakan terlibat dengan perkahwinan politik apabila direkodkan berkahwin dengan Puteri Diraja Perak sebelum ditabalkan sebagai Sultan Selangor (CO 717/117).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dengan mengumpul data daripada kepelbagai sumber seperti buku, jurnal, tesis, bahan bertulis secara dalam talian yang sah dan keratan akhbar. Dengan menggunakan kepelbagai sumber tersebut, penyelidik dapat mengumpul data untuk memastikan setiap kandungan diisi dengan maklumat yang bertepatan dan bersesuaian dengan penyelidikan ini. Seterusnya pendekatan histori untuk mengetahui asal usul Kuala Selangor dan

sejarah berlakunya peristiwa perang untuk dikaitkan dengan penggunaan senjata khususnya meriam. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis bertema dan dikategorikan mengikut sejarah, kegunaan dan kategori meriam yang dikaji.

PERBINCANGAN

PERKEMBANGAN MERIAM ALAM MELAYU

Sejarah pembuatan awal meriam di alam Melayu dipengaruhi oleh dunia Arab. Mereka memperkenalkan teknologi senjata api seiring dengan proses Islamisasi. Hal ini dijelaskan oleh Godinho de Eredia berkenaan kemajuan teknologi meriam di Alam Melayu berpaksikan dunia Arab seperti pernyataan di bawah:

“...tentulah orang-orang Islam di Asia Barat, mungkin sekali orang-orang Arab yang telah memperkenalkan ilmu bedil itu kepada orang-orang Melayu, kira-kira pada pertengahan abad yang kelima belas....”.

(A. Samad Ahmad 1983)

Hal ini dapat dibuktikan dengan dokumen dan jumaan arkeologi tentang penggunaan belerang, senjata api jenis *gonne*, senapang, pemuras dan meriam kepada masyarakat alam Melayu seperti Jawa, Batak dan Aceh melalui perdagangan (Hasanuddin et al. 2019). Blagden (1941) pula menegaskan terdapat tiga inskripsi Arab pada meriam Melayu abad ke-17 yang dirampas Inggeris ketika Perang Anglo-Burma Ketiga. Meriam ini diperdayai buatan Tun Jumaat Abu Mendus dari Singgora (Songkla) dan dirampas Burma ketika menduduki Ayutthaya pada tahun 1766. Meriam ini terdapat inskripsi cap mohor bertulisan Arab daripada Sultan Sulaiman Shah iaitu Raja Singgora bertarikh 4 Zulkaedah tahun 1063 Hijrah (26 September 1653):

“alamatu Sahib as-Sultan Sulaiman Shah Malik al-Muzaffar ism laqabi fi hijrat thalathin wa situna wa alf fi sanat al-alif wa arba’yaum minshahr Dhu'l-qadah fi yaui-l-ithnayn”.

(Blagden 1941)

Menurut rekod *Malacca Shipping Lost* untuk transit perdagangan Selangor-Melaka dari Oktober 1782 hingga Mac 1783, terdapat seorang pedagang Arab bernama Zaid Mahomed membawa belerang (*Sulphur*) ke Selangor dipercayai untuk kegunaan persenjataan (Kam Hing et al. 1992). Selangor juga dibantu oleh orang Arab bernama Said Japhar yang

menentang Belanda di Bukit Melawati pada tahun 1785 (Mubin Sheppard 1961; Yusoff 1992).

Selain itu, teknologi meriam di alam Melayu juga dipengaruhi oleh empayar Turki Uthmaniyah. Menurut pengkaji bedil tempatan, kepakaran senjata api Melayu berkait rapat dengan teknologi daripada Turki Uthmaniyah terutamanya dengan pembuatan meriam. Dilihat Laksamana Hang Tuah juga telah diutuskan oleh Sultan Mansur Shah ke Istanbul, Turki untuk membeli serta mempelajari ilmu senjata api (Wan Mohd et al. 2014). Fernao Lopes De Castanheda juga merekodkan bahawa Sultan Melaka memiliki sebanyak lapan ribu pucuk senjata api yang terdiri daripada meriam dan senapang pelantak ketika bertempur dengan Portugis (Pintado 2012). Anthony Reid juga menyatakan pihak Portugis telah menemui 2000 hingga 3000 pucuk meriam buatan asing dipercayai dari China dan Arab-Turki (Reid 1993). Kerajaan Kesultanan Aceh juga menerima sentuhan Turki dalam pembuatan meriam dan kerajaan Turki juga mengirimkan bantuan lima ratus orang tentera daripada divisyen artileri bagi menentang Portugis pada tahun 1560-an (Hasanuddin et al. 2019).

Seterusnya, terdapat beberapa tempat di Kepulauan Melayu mempunyai pembuatan meriam yang bagus seperti di Brunei (*Si Gantar Alam, Si Mambang* dan *Raja Andai*), Aceh, Minangkabau dan Terengganu (*Seri Tupai*) (Wolley 1947; Ahmad Safwan 2012; Gibson-Hill 1953). Sementara itu, W. Linehan dalam *History of Pahang*, menyatakan bahawa Pahang memiliki teknologi meriam yang baik pada tahun 1600-an selepas penemuan acuan meriam yang digunakan sekitar abad ke-15 atau abad ke-16 di Tembeling, Pahang (Linehan 1936). Meriam-meriam Melayu terawal dibuat menggunakan buluh atau kulit kayu yang diikat menggunakan gelungan besi, saiz kecil, mudah diletakkan di hulu sampan dan dicelah-celah timbunan batu kota-kota pertahanan (Wolley 1947). Selangor juga direkodkan membekal bijih timah kepada kerajaan Brunei dan kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan untuk dijadikan peluru (CO 1071/236/13).

SEJARAH PERKEMBANGAN MERIAM DI SELANGOR

Satu daripada kesan Kerajaan Selangor yang masih boleh dijadikan bukti kewujudan permulaan politik Selangor yang bertapak di Kuala Selangor ialah adanya beberapa jenis meriam tinggalan kerajaan

awal. Secara umumnya, terdapat tiga jenis meriam lama yang masih terdapat di Bukit Melawati dan dipercayai meriam-meriam ini adalah antara tinggalan Kerajaan Melayu Selangor, Belanda dan Inggeris. Dalam konteks ini, teknologi meriam juga menjadi salah satu kepentingan bagi tujuan pertahanan. Penggunaan meriam jenis Lela dalam perperangan telah direkodkan dalam *Tuhfat al Nafis*:

“...apabila sampai ke tepi kubu lalulah dibedilnya dengan meriamnya serta naik mengamuk dengan senapang pemurasnya. Maka azmatlah bunyi bahana meriam bagi halilintar membela bukit legum-legum dan senapang pemurasnya menggerutuplah seperti menggoreng bertih. Maka beramuklah masuk sekaliannya ke dalam kubu orang...”.

(Raja Ali Haji 1982)

Petikan ini menunjukkan penggunaan meriam jenis Lela yang digunakan oleh Daeng Chelak untuk menyerang Sultan Muzaffar Syah ketika konflik perselisihan faham antara Selangor-Perak sekitar tahun 1738-1743 (Raja Ali Haji 1982; Kam Heng et al. 1992). Selangor juga meletakkan meriam-meriam di sekitar kubu-kubu di sekitar Bukit Melawati dan Kota Tanjong Keramat sebagai pertahanan. Hubungan baik antara Selangor dan Inggeris melalui perdagangan sejak tahun 1761 memungkinkan terdapat pertukaran teknologi dalam pembuatan meriam. Hal ini telah direkodkan oleh Belanda semasa mereka mula menguasai Bukit Melawati pada tahun 1784.

Terdapat sepuluh pucuk meriam di sekitar Sungai Selangor, lima pucuk meriam di pantai, lima puluh pucuk di kawasan kaki dan di atas Bukit Melawati, tiga pucuk meriam di rumah ibadat, satu pucuk meriam di kediaman Kapten James Scott dan terdapat 18 pucuk meriam di perkarangan rumah Sultan Ibrahim. Selangor juga dipercayai mendapatkan bekalan meriam daripada Inggeris. Hal ini juga direkodkan oleh Belanda berkenaan penghantaran 12 pucuk meriam oleh syarikat Inggeris di Kota Tanjong Keramat pada tahun 1784 (Mielink-Roelofsz 1959).

Selain menjadi sistem pertahanan, meriam juga menjadi simbol diplomasi antara kerajaan. Hal ini dapat dilihat dengan pengurniaan selaras meriam Belanda iaitu *Seri Rambai* oleh Aceh kepada Selangor selepas Raja Ibrahim dan Raja Nala terlibat membantu Aceh menentang Dusun pada tahun 1785 (Douglas 1948).

Menurut rekod Dirk Von Hogendorp, meriam yang ada pada awalnya berjumlah 102 pucuk yang letaknya bertaburan di kota-kota di Kuala Selangor tetapi hanya terdapat 68 pucuk sahaja (Mubin

Sheppard 1961). Daripada jumlah tersebut, 68 pucuk meriam dikatakan meriam Melayu buatan tangan. Meriam yang dikatakan kepunyaan Kerajaan Melayu itu mempunyai ukuran panjangnya lebih kurang tujuh kaki, lilitan pangkalnya tiga kaki sementara lilitan muncungnya dua kaki sahaja dan ketebalan bibir bahagian mulutnya dua inci dan keadaan meriam jenis ini tidak kemas buatannya (Yusoff 1996). Kapten James Scott, seorang pedagang Inggeris menyifatkan meriam ini tidak memenuhi spesifikasi meriam yang baik dan hanya beberapa sahaja boleh digunakan (Mubin Sheppard 1961).

Antara meriam Melayu yang terkenal ialah Lela. Lela merupakan sejenis lagi meriam yang kecil sama seperti *Lela Rambang* dan rentaka (Gibson-Hill 1953). Senjata yang dibuat daripada besi tulen ini panjangnya empat kaki tiga inci sahaja dengan lilitan pangkalnya kira-kira 15 inci, mulutnya berukuran 7.5 inci dan boleh meledakkan peluru sehingga 400 meter (Yusoff 1996; Zainuddin et al. 2007). Fizikal Lela yang kecil boleh dibawa ke mana-mana dengan cara dipikul atas bahu atau diletakkan di bahagian mudik sampan (Zainuddin et al. 2007).

Hal ini dapat dibuktikan dengan penggunaan Lela dalam serangan Daeng Chelak ke atas Perak melalui jalan laut pada tahun 1743 (Kam Hing et al. 1992). *Tuhfat al-Nafis* juga ada merekodkan penggunaan Lela oleh Selangor untuk membedil kubu-kubu orang Perak (Raja Ali Haji 1982). Lela juga menjadi antara senjata utama Syed Mashur dan Raja Mahadi ketika Perang Klang (Yusoff Hassan 1996; Abdul Samad Ahmad 1966). Pada 1 Julai 1897, pihak muzium Selangor telah meminta izin kerajaan untuk membenarkan Lela-Lela yang terdapat di Kuala Langat, Jugra, Kuala Selangor dan Ulu Langat untuk penambahan pameran (CO 3283/1897). Selain Lela, terdapat sepucuk meriam *Penggawa* atau Meriam *Petoj Boga* yang mempunyai paten meriam Melayu. Meriam ini ditempatkan di perkarangan Makam Diraja Kuala Selangor.



GAMBAR 1. Meriam Melayu jenis Lela yang dipamerkan di Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor



GAMBAR 2. Syed Mashor, panglima Raja Mahadi

dalam Perang Klang bersama sepucuk Lela

Sumber: Abdul Samad Ahmad 1966

KATEGORI MERIAM

Bahagian ini akan membincangkan kategori meriam yang dijumpai di sekitar Selangor.

MERIAM INGGERIS

Selangor mempunyai hubungan diplomasi yang baik dengan Inggeris melalui Kapten James Scott yang berlabuh di Kuala Selangor pada 25 Disember 1775 bersama kapal *Prince* yang berkapasiti 500 tan dan mula tinggal di Kuala Selangor sejak 1780-an (Kam Hing et al. 1992). Namun, konflik ekonomi di Selat Melaka tahun 1784 menyebabkan James Scott ditangkap atas tuduhan menjual senjata-senjata kepada Raja Selangor. Mengikut rekod Jacob Pieter Van Braam No.83, terdapat 97 pucuk meriam Inggeris pelbagai paun peluru dari kaki



GAMBAR 3. Meriam Sultan Ibrahim, salah satu Meriam Tiga Sederet di Bukit Melawati

Bukit Melawati hingga ke *Kubu Altingsburg*. Sebagai contoh, terdapat 14 pucuk meriam di perkarangan kediaman Sultan Ibrahim dan sepucuk meriam di hadapan kediaman Kapten James Scott. Selain itu, rekod Van Braam No.87 juga mengenal pasti transaksi barang-barang seperti meriam yang dibekalkan kepada Leftenan G. Smith untuk kegunaan kubu-kubu di Kuala Selangor pada 21 Ogos 1784 (Mielink-Roelofsz 1959). Antaranya, 14 pucuk meriam beroda di Kota *Altingsburg*, 4 pucuk meriam di bateri Van Braam dan 12 pucuk meriam di Kota *Utrecht*. Meriam Tiga Sederet di Kota Melawati dipercayai jenis meriam Inggeris dengan panjang di antara 8 hingga 9 kaki.

MERIAM BELANDA

Sewaktu Belanda menduduki Kota Melawati dan Kota Tanjung Keramat mereka telah melengkapkan kedua-dua kota tersebut dan menambah meriam buatannya yang dibawa dari Melaka. Terdapat dua pucuk meriam yang dipercayai milik Belanda di Kota Melawati. Panjangnya lapan kaki lapan inci, lilitan pangkal empat kaki lapan inci, lilitan mulut dua kaki 10 inci dan tebal bibir tiga inci (Gibson-hill 1953; Yusoff 1996: 89). Pada bahagian belakang meriam ini berputing bukat sebagai tempat memegang ketika mengangkatnya. Di kiri dan kanan tengahnya pula bertelinga, sebagai tempat letak di landasan. Sebiji lubang bagi kegunaan memasang api di buat kira-kira dua inci. Pada kiri dan kanan tengahnya pula bertelinga seakan-akan ikan lumba-lumba sebagai tempat letak pada landasan (Gibson-Hill 1953). Sebiji lubang bagi kegunaan memasang api di buat kira-kira $2\frac{1}{2}$ kaki daripada pangkal. Buatannya lebih kemas daripada meriam Melayu. Jika diamati, meriam-meriam tersebut ada persamaan dengan meriam yang menjadi hiasan di pintu gerbang di Kota A Famosa di Melaka dan meriam *Seri Rambai* di Fort Cornwallis, Pulau Pinang (Gibson-hill 1953).



GAMBAR 4. Meriam Belanda tinggalan *Veenigden Oost-indische Compagnie* di Bukit Melawati, Kuala Selangor

PENUTUP

Peranan dan kepentingan persenjataan khususnya meriam dilihat sebagai salah satu pertahanan daripada aspek senjata ofensif Melayu yang sangat signifikan dalam sejarah perang di Kuala Selangor terutama yang berlaku di Kota Melawati. Peninggalan monumen meriam yang masih utuh menjadi saksi kepada sebuah sejarah di Selangor dan di Tanah Melayu. Penggunaan meriam dalam menjaga kekuatan dan kekebalan sesebuah kerajaan dan kuasa tidak kira sama ada berlaku perang dengan pihak Barat seperti Belanda dan Inggeris, mahupun berlaku dalam perang saudara di Selangor. Kuala Selangor dahulu yang merupakan ibu negeri Selangor amat gah dan popular dengan sejarah perang dan pertahanannya. Sejarah di Kuala Selangor juga merupakan permulaan peradaban dan pemerintahan kesultanan Selangor.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. 1966. *Pesaka Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad. 1983. *Peluru Petunang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Munib Sheppard. 1961. *Malayan Forts*. Federation of Malaya: The Director of Museums.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali. 1989. Adat penggantian dalam Kesultanan Selangor 1766-1938. Dlm. *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, disunting oleh Adnan Hj Nawang dan Mohd Fadzil Othman. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah.
- Ahmad Safwan Jalil. 2012. Southeast Asia Cannon Making in Negara Brunei Darussalam. Tesis M.A, Flinders University.
- Andaya, B. W. 1974. The installation of the First Sultan of Selangor, 1766. *JMBRAS* 47(1): 41-57.
- Andaya, B. W. & Leonard Y. Andaya. 1982. *A History of Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan.
- Blagden, C. O. 1941. A XVIith Century Malay cannon in London. *JMBRAS* 19(1): 122-124.
- Douglas, F. W. 1947. Meriam Sri Rambai. *JMBRAS* 21(1): 117-118.
- Gibson-Hill, C. A. 1953. Notes on the Cannon found in Malaya, and known to be of Dutch origin. *JMBRAS* 26(1): 145-174.
- Hasanuddin Yusof, Zuliskandar Ramli & Muhammad Shafiq Mohd Ali. 2019. Meriam-meriam Kedah di Wat Phra Mahathat Woramahawihan, Nakhon Si Thammarat. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 32(2): 59-75.
- Kam Hing, Lee dan Mohd. Yusoff Hashim. 1992. Peperangan Selangor-Belanda: Sebab dan Akibat dalam Sejarah Selangor. Dlm. *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, disunting oleh Adnan Hj. Nawang dan Mohd Fadzil Othman. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah.
- Kay Kim, Khoo. 1992. Riwayat Kerajaan Negeri Selangor. Dlm. *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, disunting oleh Adnan Hj. Nawang dan Mohd Fadzil Othman. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah.

- Linehan, W. 1936. A history of Pahang. *JMBRAS* 14(2): 1-257.
- Mielink-Roeofsz, M. A. P. 1959. The Forts at Kuala Selangor. Dlm. *Malaya in History*, Vol. 5, No.1, disunting oleh M. C. Ff. Sheppard. Federation of Malaya.
- Mohd. Yusoff Hashim. 1992. Sultan Ibrahim Ibnu Raja Lumu (Sultan Salehuddin) di dalam Sejarah Selangor abad ke-18 dan ke-19. Dlm. *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, disunting oleh Adnan Hj Nawang dan Mohd Fadzil Othman. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah.
- Pitando, M. J. 2012. *Portuguese Documents on Malacca (1509-1511)*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Raja Ali Haji Ibn Ahmad. 1982. *The Precious Gift: Tuhfat al-Nafis*, ed. and translated by Virginia Matheson and Barbara W. Andaya. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Reid, Anthony. 1993. *Southeast Asia in the Age of Commerce: The Lands below the Winds*, Vol. 2. New Haven and London: Yale University Press.
- Rekod Pejabat Kolonial British - Letter to J.P. Rodger, Succession to Sultanate Selangor, CO 717/117/12.
- Rekod Pejabat Kolonial British - Memorandum to Colonial Office, Treasury: Federated Malay States, CO 1071/236/13.
- Rekod Pejabat Kolonial British - Selangor Government Secretary Office to Selangor Museum, CO 3283/1897.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah dan Siti Radziah Mustafa. 2014. Manuskrip ilmu Bedil sebagai sumber etnosejarah teknologi senjata api Melayu. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities* 21(1): 53-71.
- Windstedt, R. O. 1934. A history of Selangor. *JMBRAS* 12(3): 1-34.
- Woolley, G. C. 1947. Malay cannon. *JMBRAS* 20(2): 35-38.
- Yusoff Hassan. 1996. *Sejarah Kuala Selangor*. Kota Bharu: ST Media Resources.
- Zainuddin Abdullah dan Shahrim Senik. 2007. *Senjata Warisan*. Selangor: Lembaga Muzium Selangor.
- Zakiah Hanum. 1989. *Asal-usul Negeri-negeri di Malaysia: Negeri Selangor*. Petaling Jaya: Times Books International.

Mohd Haidi Mohd Kasran, Ph.D
Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai
59990 Kuala Lumpur
E-mel: haidi@ipgkbm.edu.my

Rozeha Harun
Pensyarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai
59990 Kuala Lumpur
E-mel: rozeha@ipgkbm.edu.my

Mohd Hairul Izwan Mohd Kasran
4400, Kg. Baru Assam Jawa
45700 Bukit Rotan, Kuala Selangor
E-mel: fixoewan@gmail.com

Diserahkan: 05 September 2019
Diterima: 02 Mac 2020